



Menjanakan Transformasi Pelancongan Johor melalui Tahun Melawat Johor 2026

Tahun Melawat Johor 2026 membawa misi besar untuk menonjolkan Johor sebagai destinasi pelancongan unggul menerusi kekayaan khazanah alam, keindahan budaya dan warisan, serta hospitaliti mesra pelancong. Tahun 2026 menjadi detik penting bagi negeri tersebut untuk memperkukuh jenama pelancongan Johor pada peringkat nasional dan antarabangsa.

Kerajaan Negeri Johor menyasarkan kehadiran 12 juta pelancong domestik dan antarabangsa dengan sasaran hasil pelancongan sebanyak RM42.48 bilion pada tahun ini. Usaha ini dilaksanakan melalui rangka strategi yang lebih agresif, berfokus dan tersusun untuk merancakkan industri pelancongan negeri. Antara strategi utama termasuklah:

1. **Peningkatan infrastruktur pelancongan** – Kerajaan Negeri Johor akan menaik taraf infrastruktur sedia ada dan membangunkan infrastruktur baharu bagi meningkatkan keselesaan dan kemudahan kepada pelancong. Langkah ini dijangka meningkatkan pengalaman pelawat

dan menambah daya tarikan destinasi pelancongan negeri.

2. **Promosi produk pelancongan** – Pelbagai kempen promosi yang lebih menyeluruh dan kreatif akan digerakkan bagi memasarkan tarikan Johor kepada pelancong domestik dan antarabangsa. Pendekatan ini merangkumi promosi digital, kerjasama media, serta penyertaan dalam program dan pameran pelancongan di pelbagai negara.
3. **Pelibatan pihak swasta** – Kerajaan Negeri Johor akan memperkukuh kerjasama dengan pemain industri pelancongan bagi menjayakan pelaksanaan Tahun Melawat

Johor 2026. Pelibatan sektor swasta dijangka menjadi pemangkin utama kepada pembangunan produk pelancongan baharu dan peningkatan kualiti perkhidmatan.

Logo Tahun Melawat Johor 2026

Logo rasmi Tahun Melawat Johor 2026 dilancarkan oleh Timbalan Perdana Menteri, YAB Dato' Sri Fadillah Yusof. Logo tersebut dirangka dengan teliti bagi menyatukan elemen sejarah, budaya dan kekuatan ekonomi Johor dalam satu visual yang harmoni. Reka bentuk tersebut mempamerkan keyakinan Johor untuk mengangkat statusnya sebagai destinasi pelancongan terkemuka dunia.



Rajah 1 Logo Tahun Melawat Johor 2026.

Menariknya, logo Tahun Melawat Johor 2026 memaparkan Bangunan Sultan Ibrahim, sebuah mercu tanda bersejarah yang melambangkan hubungan antara pusat pemerintahan Johor pada masa lalu dengan aspirasi kemajuan masa hadapan. Bangunan ikonik tersebut menggambarkan ketahanan, evolusi dan kemajuan Johor yang terus melangkah ke hadapan tanpa mengabaikan nilai warisan yang membentuk identitinya. Sebagai simbol utama negeri, struktur ini turut memperkenalkan Johor kepada dunia sebagai destinasi pelancongan yang kaya dengan budaya dan keindahan alam semula jadi.

Selain elemen seni bina tersebut, logo berkenaan turut mengabadikan simbol harimau dan buah nanas. Harimau melambangkan keberanian dan kekuatan yang mencerminkan semangat juang tinggi rakyat Johor. Buah nanas pula menggambarkan keunggulan dan pencapaian Johor dalam sektor pertanian, sebuah industri yang telah lama menjadi identiti ekonomi negeri. Kedua-dua elemen ini bukan sahaja mencerminkan warisan budaya yang kuat, tetapi juga menzahirkan potensi besar Johor dalam pembangunan ekonomi, khususnya dalam sektor pelancongan dan pertanian.

Reka bentuk logo Tahun Melawat Johor 2026 turut menonjolkan perpaduan antara tradisi dengan inovasi. Penggabungan unsur klasik dan moden ini menggambarkan kesungguhan negeri untuk mengekalkan nilai tradisional sambil memacu pembaharuan dalam industri pelancongan. Semangat tersebut diharapkan dapat menjadi inspirasi kepada seluruh rakyat Johor untuk terus berusaha memajukan negeri sebagai destinasi pelancongan utama dunia. Tahun Melawat Johor 2026 diharap membawa lebih banyak peluang, kemakmuran dan kejayaan kepada Johor dan seluruh bangsanya.

Strategi Holistik bagi Memacu Sektor Pelancongan

Seiring dengan pengenalan identiti jenama pelancongan negeri, Johor turut merangka pelbagai program dan pelaburan strategik bagi memastikan kesediaan infrastruktur, serta kelancaran penganjuran acara sempena Tahun Melawat Johor 2026. Antara acara utama termasuklah pelancaran Johor Elephant Sanctuary (JES) yang dijadualkan pada Jun 2026 diikuti dengan penganjuran konsert "Divas & Diamonds" oleh Mega Eve Sdn. Bhd. sebagai tarikan hiburan yang berimpak tinggi.



Jadual 1 Inisiatif dan acara pemangkin pelancongan Johor sempena Tahun Melawat Johor 2026.

Acara	Keterangan
Johor Elephant Sanctuary (JES)	- Tempat ini akan dibuka secara rasmi pada Jun 2026. - Menawarkan pelbagai pengalaman unik bersama-sama gajah seperti merentas hutan (jungle tracking), "gajah walk trail", pemerhatian gajah liar dan interaksi eksklusif dengan gajah jinak. - Terdapat persembahan gajah, galeri pendidikan, tayangan video konservasi dan trak makanan.
Konsert "Divas & Diamonds"	- Diadakan di Stadium Arena Larkin pada 7 September 2026. - Menampilkan artis terkenal seperti Datuk Seri Rossa (Indonesia) dan artis tempatan seperti Datuk Jamal Abdillah, Dayang Nurfaizah dan Joe Flizzow. - Acara ini merupakan satu daripada inisiatif untuk memperhebat pelancongan di Johor.
Pembangunan Infrastruktur Pelancongan	- Kerajaan Negeri Johor sedang membangunkan dan menaik taraf pelbagai kemudahan pelancongan seperti Air Terjun Gunung Ledang, Taman Negara Johor dan Taman Eko Rimba Sungai Bantang. - Terdapat juga inisiatif untuk meningkatkan kemudahan penginapan dan memperbaiki kemudahan sedia ada.
Promosi Pelancongan	- Kerajaan Negeri Johor juga memperhebat kempen promosi pelancongan di dalam negara dan di luar negara. - Hal ini termasuk penganjuran acara pelancongan bertaraf antarabangsa dan peningkatan penyertaan dalam siri promosi pelancongan.
Townhall Visit Johor 2026	- Sesi libat urus (townhall) ini merupakan platform strategik untuk memperkenalkan pelbagai inisiatif, acara dan perancangan Kerajaan Negeri Johor bagi merealisasikan Tahun Melawat Johor 2026. - Program ini juga menjadi ruang perbincangan terbuka untuk merapatkan kerjasama antara sektor awam dengan swasta.

Sumber: <https://tourismjohor.my/> (2025).

Bagi merealisasikan penganjuran Tahun Melawat Johor 2026 yang berimpak besar kepada pembangunan negeri, Menteri Besar Johor, YAB Datuk Onn Hafiz Ghazi mengumumkan bahawa Belanjawan Johor 2024 telah memperuntukkan sebanyak RM67.6 juta khusus untuk menaik taraf infrastruktur pelancongan. Peruntukan ini menjadi asas penting bagi memastikan kemudahan pelancongan di seluruh negeri lebih berkualiti, kondusif dan mampu menampung pertambahan pengunjung.

Berdasarkan statistik termasuk pelawat luar negara yang dikeluarkan oleh Jabatan Imigresen Negeri Johor, jumlah pelancong ke negeri tersebut menunjukkan peningkatan ketara. Bagi tempoh Januari 2025 hingga April 2025, Johor menerima sebanyak 7,898,782 pelancong,

meningkat 31.32 peratus berbanding dengan 6,018,736 pelawat dalam tempoh yang sama pada tahun 2024.

Pelancong dari Singapura, Indonesia dan China kekal sebagai kumpulan terbesar yang berkunjung ke Johor dengan masing-masing sekitar 89 peratus pada tahun 2024 meningkat kepada 89.8 peratus pada tahun 2025. Dominasi tiga negara ini memperlihatkan potensi besar Johor sebagai pintu masuk utama pelancongan antarabangsa di Malaysia.

Berbekalkan trajektori pertumbuhan yang positif ini, Johor menetapkan sasaran untuk menarik 12 juta pelancong domestik dan antarabangsa sempena Tahun Melawat Johor 2026. Hal ini selaras dengan aspirasi menjadikan negeri tersebut sebagai destinasi pelancongan utama di rantau ini.

Jadual 2 Informasi statistik kemasukan pelawat ke Johor.

Negara	Tahun 2024 (Januari–April) Jumlah	Tahun 2025 (Januari–April) Jumlah
Singapura	4,727,763	6,182,070
Indonesia	418,840	492,581
China	259,279	419,945
Filipina	105,817	125,261
India	108,259	191,866
Jepun	33,853	31,600
Korea Selatan	28,433	65,450
Vietnam	55,030	49,450
Thailand	30,041	34,957
Negara Eropah	70,353	78,756
Australia	22,325	26,104
Brunei	1,576	1,940
Negara Lain-lain	157,167	199,238
Jumlah	6,018,736	7,898,782

Sumber: Jabatan Imigresen Negeri Johor (2025).

Jadual 3 15 laluan utama pelawat ke Johor.

Jenis Laluan	Terminal
Laluan laut	• Terminal Feri Tanjung Pengelih
	• Terminal Feri Tanjung Belungkor
	• Terminal Feri Kukup
	• Terminal Feri Muar
	• Terminal Feri Berjaya Waterfront
	• Terminal Feri Pasir Gudang
	• Terminal Pelabuhan Tanjung Pelepas
	• Terminal Feri Seban Cove
	• Terminal Feri Minyak Beku
	• Terminal Feri Puteri Harbour
Laluan udara	• Terminal Feri Desaru Coast
Laluan darat	• Bangunan Sultan Iskandar
	• Kompleks Sultan Abu Bakar
	• JB Sentral

Sumber: Jabatan Imigresen Negeri Johor (2025).

Kerajaan Negeri Johor turut mengenal pasti 10 projek pembangunan infrastruktur pelancongan yang dijangka siap sepanjang tahun ini. Antara projek berimpak tinggi tersebut termasuklah kerja menaik taraf kemudahan dan pembinaan baharu bumbung kanopi di Kompleks pelawat Air Terjun Gunung Ledang selain peningkatan kemudahan di laman tiba Taman Negara Johor, Tanjung Piai, Pontian. Usaha tersebut dilengkapi dengan pembangunan kemudahan penginapan dan kompleks pelawat di Taman Negara Johor Endau-Rompin (Peta).

Beberapa penambahbaikan lain turut dilaksanakan, termasuk menaik taraf sistem pembetulan di kawasan penginapan, pembinaan pintu masuk denai (trail head) baharu di Taman Negara Johor Gunung Ledang, pemasangan penanda arah baharu di semua Taman Negara Johor, serta peningkatan kemudahan sedia ada di Taman Eko Rimba Sungai Bantang, Segamat dan Gunung Belumut, Kluang. Di samping itu, pembinaan trek basikal gunung di Hutan Simpan Gunung Pulai, Kulai turut dijalankan bagi menyokong penganjuran sukan bertaraf antarabangsa. Projek penaiktarafan lain yang turut terlibat ialah Zoo Johor, Bangunan Muzium Tokoh Johor dan kemudahan asas di Pantai Air Papan.

Sementara itu, Datuk Onn Hafiz Ghazi memaklumkan bahawa kerajaan negeri telah mengenal pasti empat projek tambahan yang akan disiapkan pada tahun 2026. Projek tersebut merangkumi naik taraf Dataran Tasik Bandar Penawar, Kota Tinggi; pembangunan Pantai Teluk Mahkota; River Cruise di Kota Tinggi; kawasan pelancongan Kampung Sungai Melayu; tapak perkhemahan, taman permainan dan kolam mandi di Hutan Bandar MBBB, serta pembinaan Perkampungan Seramik di Pasir Gudang.

Kesemua inisiatif ini diyakini mampu memperkasakan kempen promosi pelancongan Johor, memperluas pengiklanan destinasi pelancongan di dalam dan di luar negara, serta menyokong penganjuran acara bertaraf antarabangsa. Pendekatan bersepadu ini turut meningkatkan penyertaan Johor dalam siri promosi pelancongan global, sekali gus memantapkan kedudukan negeri sebagai destinasi pelancongan pilihan.


Projek menaik taraf infrastruktur pelancongan dan pelaksanaan promosi secara agresif terhadap produk pelancongan tempatan menjadi dua strategi utama bagi menjayakan agenda Tahun Melawat Johor 2026. Kerajaan Negeri Johor turut merangka strategi promosi yang memberikan penekanan kepada segmen

pelancongan fokus dan penganjuran program lawatan pengenalan (familiarization trip) yang disasarkan kepada pasaran tertentu. Pendekatan ini menzahirkan komitmen kerajaan negeri untuk memperkasakan pemain industri pelancongan bagi memacu pertumbuhan sektor berkenaan.

Persatuan Pelancongan Mersing (MTA) melalui Jawatankuasa Kumpulan Penyelarasan Destinasi Pelancongan Mampam turut memainkan peranan aktif bagi membentuk jalinan kerjasama dengan pelbagai pihak demi membina ekologi pelancongan yang lebih mampan dan meningkatkan pembangunan ekonomi setempat di daerah Mersing.




Laman Mahkota Istana Bukit Serene.




Iskandar Puteri.



Laman Diraja Pontian.



Rajah 2 Pelibatan daerah bagi mempromosikan pelbagai pakej dan produk pelancongan sempena Tahun Melawat Johor 2026.



Pantai Mersing, Johor.

Mengangkat Johor sebagai Destinasi Pelancongan Bertaraf Global

Usaha yang lebih menyeluruh perlu dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri Johor dengan sokongan padu Kerajaan Persekutuan bagi memperkukuh identiti pelancongan Johor, sekali gus mengubah persepsi bahawa negeri ini hanyalah "jiran Singapura" atau sekadar pintu masuk utama ke Malaysia bagi pelancong luar. Johor sering dianggap sebagai lokasi persinggahan bagi pelancong dari Singapura yang menuju ke Kuala Lumpur ataupun sebaliknya. Pandangan sebegini menyebabkan Johor kurang menyerlah sebagai destinasi pelancongan bertaraf global.

Sehingga kini, sebahagian besar pelancong asing masih mengenali Johor sebagai negeri yang paling hampir dengan Singapura. Namun begitu, Johor berdepan dengan pelbagai cabaran yang mengekang pertumbuhan dan daya saingnya, khususnya apabila dibandingkan dengan negeri jiran seperti Melaka dan negara jiran Singapura yang jauh lebih maju dari aspek prasarana pelancongan dan penjenamaan destinasi.

Penganalisis ekonomi dan pakar industri pelancongan percaya bahawa Johor mampu mencapai kedudukan lebih tinggi sekiranya isu asas berkaitan dengan infrastruktur dan logistik dapat diselesaikan. Sebagai contoh, Mersing yang terkenal dengan makanan laut segar dan pulau indah masih berdepan dengan kesesakan lalu lintas dan akses yang terhad tanpa kenderaan persendirian. Lokasi pelancongan popular seperti Desaru dan Endau-Rompin pula masih

berdepan dengan kekangan akses, khususnya dari Lapangan Terbang Antarabangsa Senai, serta rangkaian lebuh raya utama seperti Laluan Kedua Malaysia-Singapura, sekali gus menjadikan perjalanan pelancong ke destinasi ini kurang lancar.

Kebimbangan turut timbul mengenai kapasiti terhad Lapangan Terbang Antarabangsa Senai untuk menarik lebih banyak penerbangan antarabangsa secara terus. Keadaan sama dapat dilihat di Gunung Ledang, Desaru Coast dan Taman Negara Endau-Rompin yang masih kekurangan sistem pengangkutan awam yang cekap.

Pemain industri pelancongan turut mencadangkan agar kerajaan negeri menganjurkan program lawatan pengenalan khas kepada pengendali pelancongan antarabangsa, pihak media dan individu berpengaruh dari luar negara. Inisiatif sebegini merupakan amalan biasa dalam industri pelancongan global untuk mempromosikan destinasi dan membina jaringan kerjasama jangka masa panjang.

Walau apa-apa pun cabaran yang dihadapi, gabungan usaha antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri Johor dengan pihak swasta diyakini mampu merealisasikan Tahun Melawat Johor 2026 sebagai kempen pelancongan yang paling berjaya dan berimpak tinggi bagi memacu sumbangan sektor pelancongan negara. Agenda ini juga berpotensi menjanakan pertumbuhan ekonomi yang dinamik dan meningkatkan kemakmuran Johor. 